

Lembaga Pengarah Syarikat menyediakan panduan dan pengawasan strategik dalam operasi Kumpulan AmBank untuk pemegang saham kami. Lembaga memperaku tanggungjawab untuk melaksana peranannya dengan tekun dan bertanggungjawab serta menurut undang-undang demi menjaga kepentingan pemegang saham, kakitangan, pelanggan dan masyarakat amnya.

## LEMBAGA PENGARAH

### Prinsip 1: Pengendalian Urusan

Lembaga benar-benar komited dalam memastikan ia terus mematuhi Amalan Terbaik dalam Urus Tadbir Korporat yang ditetapkan dalam Bahagian 2 Kod Urus Tadbir Korporat Malaysia.

Peranan dan tanggungjawab Lembaga termasuk:

- Menyemak semula dan meluluskan seluruh rancangan perniagaan strategik Kumpulan dan setiap unit operasinya. Ini merangkumi belanjawan tahunan, rancangan korporat jangka sederhana, pelaburan/pemberhentian pelaburan baru serta percantuman syarikat dan pemerolehan.
- Mengawasi pengendalian perniagaan untuk memastikan perniagaan diurus dengan betul termasuk menetapkan objektif dan dasar yang jelas yang dikendalikan oleh eksekutif kanan.
- Mengenal pasti dan meluluskan dasar berhubung dengan pengurusan semua kategori risiko termasuk tetapi tidak terhad kepada risiko kredit, kewangan, pasaran, kecairan, operasi, perundangan dan reputasi.
- Menyemak semula kecukupan dan integriti sistem kawalan dalaman dan maklumat pengurusan, termasuk sistem pematuhan undang-undang, kaedah, peraturan, arahan dan garis panduan yang terpakai.
- Menjadi autoriti tertinggi yang meluluskan semua perbelanjaan kewangan yang penting.

### Prinsip 2: Pengerusi Dan Pengarah Urusan Kumpulan

Peranan Pengerusi dan Pengarah Urusan Kumpulan adalah terpisah dan jelas berbeza. Pengerusi Lembaga adalah bukan bebas dan bukan eksekutif.

Pengerusi memainkan peranan kepimpinan penting dalam Kumpulan dan terlibat dalam:

- mengpengurusikan mesyuarat Pemegang Saham dan Lembaga;
- memantau prestasi Lembaga dan gabungan kemahiran serta keberkesanan sumbangan setiap individu; dan
- memastikan dialog dengan Ketua Pegawai Eksekutif dari pelbagai syarikat subsidiari utama serta bertindak sebagai mentor dan memberi bimbingan yang sesuai.

Lembaga menugaskan kuasa dan tanggungjawab untuk menguruskan hal-ehwal sehari-hari Kumpulan kepada

Pengarah Urusan Kumpulan yang kemudian mengagihkan pula kuasa dan tanggungjawab tersebut kepada Pengurusan Kanan lain. Lembaga memantau pengurusan dan prestasi Pengarah Urusan Kumpulan bagi pihak pemegang saham.

### Prinsip 3: Komposisi, Pemilihan Dan Pelantikan Lembaga

Pada masa ini, Lembaga terdiri daripada dua belas (12) Pengarah yang lima (5) daripadanya ialah Pengarah Bebas Bukan Eksekutif untuk membentuk Lembaga yang seimbang. Lembaga terus menikmati keseimbangan kemahiran, pengetahuan, pengalaman dan perspektif di kalangan Pengarahnya.

#### Pelantikan

- Kumpulan mengalu-alukan penambahan anggota Lembaga yang baru, iaitu Encik Mark David Whelan yang dilantik sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Syarikat berkuatkuasa dari 2 Januari 2009.

## PEMILIHAN PENGARAH

### Prinsip 4: Prestasi Lembaga

#### Kebebasan Lembaga

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif terdiri daripada pelbagai latar belakang perniagaan. Pengalaman mereka membolehkan mereka membuat keputusan bebas dan turut serta dalam prosiding dan proses membuat keputusan dalam Lembaga, secara objektif. Keputusan yang diambil bagi isu penting berhubung dengan Syarikat dan subsidiarinya sepenuhnya dipertimbangkan oleh Pengarah.

Keputusan Lembaga dibuat dengan mengambil kira pandangan Pengarah Bebas Bukan Eksekutif yang sama pentingnya. Mereka melaksanakan peranan mereka bagi memastikan strategi yang dicadangkan oleh pengurusan dibincangkan dan dikaji dengan mendalam serta memastikan kepentingan pemegang saham dan mereka yang berkepentingan dipelihara.

#### Bebas

Menurut kriteria yang ditetapkan dalam Syarat Penyenaraian Sekuriti Bursa, Jawatankuasa Pencalonan dan Lembaga mengesahkan sama ada Pengarah Bukan Eksekutif mempunyai apa-apa hubungan dengan Kumpulan AmBank yang akan (atau boleh ditanggap) menjejaskan keputusan yang mereka buat.

#### Pengarah Kanan Bebas Bukan Eksekutif

Sejajar dengan saranan yang ditetapkan dalam Bahagian 2 Kod Urus Tadbir Korporat, Lembaga mencalonkan Y A Bhg Tun Mohammed Hanif Omar sebagai Pengarah Kanan Bebas Bukan Eksekutif yang kepadanya disampaikan apa-apa isu yang menjejaskan syarikat-syarikat Kumpulan AHB.

#### Pelantikan Dalam Mesyuarat Agung Tahunan Akan Datang

Tataurusan Syarikat membenarkan Lembaga melantik seseorang menjadi Pengarah Syarikat pada bila-bila masa, tetapi orang tersebut mesti dilantik oleh pemegang saham dalam Mesyuarat Agung Tahunan akan datang.

#### Tempoh Perkhidmatan


Tataurusan Syarikat menetapkan bahawa semua Pengarah mesti bersara sekurang-kurangnya sekali dalam setiap tiga tahun dan boleh dilantik semula dalam Mesyuarat Agung Tahunan.

#### Perasmian Hak, Tanggungjawab Dan Obligasi

Terdapat beberapa elemen penting berhubung dengan perasmian Hak, Tanggungjawab dan Obligasi sebaik sahaja Pengarah dilantik, iaitu:

- **Kod Etika Pengarah**

Kod ini menetapkan bahawa Pengarah mesti mengamalkan standard kod etika yang terbaik.



**• Kovenan Pengarah**

Kovenan ini meliputi beberapa isu termasuk indemniti, insurans liabiliti Pengarah dan pegawai, hak untuk mendapatkan nasihat bebas dan keperluan berhubung dengan maklumat rahsia.

**• Latihan Induksi**

Pengarah baru perlu menghadiri program induksi rasmi yang dalam program ini Pengarah bertemu dengan eksekutif Kumpulan AmBank dan anggota kakitangan utama yang lain dan untuk membiasakan diri dengan rangka kerja urus tadbir, pengurusan kewangan dan operasi perniagaan Kumpulan.

Setiap Pengarah baru akan menerima satu set nota yang menggariskan obligasi, peranan dan tanggungjawab utama Pengarah serta bidang rujukan pelbagai Jawatankuasa Lembaga dan garis panduan pengawalan. Ia turut menetapkan butiran mesyuarat Lembaga dan Jawatankuasa.

Anggota Lembaga juga digalakkan menghadiri seminar dan persidangan serta program pembelajaran berterusan untuk mengikuti perkembangan semasa dalam industri perbankan pelaburan dan perkhidmatan kewangan. Mereka turut diatur untuk menghadiri program yang dianjurkan oleh Jabatan Pembangunan Organisasi Kumpulan. Dalam tahun ini, Pengarah menghadiri kursus yang berkait dengan tanggungjawab mereka dan perkembangan industri.

**Penilaian Prestasi**

Penilaian prestasi dilaksanakan secara tahunan dan meliputi Lembaga, setiap Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga.

Rangka kerja yang digunakan untuk menilai Pengarah didasarkan pada jangkaan bahawa tanggungjawab yang mereka laksanakan menjurus kepada mewujudkan dan meneruskan usaha pembinaan nilai mampan bagi pemegang saham dan berlandaskan tanggungjawab dan obligasi yang ditetapkan ke atas mereka menurut undang-undang dan garis panduan yang dikeluarkan oleh pihak autoriti pengawalan.

**Prinsip 5: Akses Kepada Pengarah**

Pihak pengurusan boleh kerap berunding dengan Pengarah seperti yang ditetapkan. Kakitangan dan pemegang saham boleh bertemu dengan Pengarah melalui Pengerusi, Pengarah Kanan Bebas dan Setiausaha Syarikat Kumpulan.

**Prinsip 6: Akses Kepada Maklumat**

Semasa melaksanakan tanggungjawab mereka, semua Pengarah boleh mengakses maklumat yang lengkap dan tidak terhad berhubung dengan Kumpulan. Lembaga boleh mendapatkan nasihat dan khidmat Setiausaha Syarikat Kumpulan pada bila-bila masa berhubung dengan undang-undang dan urus tadbir yang mematuhi tanggungjawab berkanun, termasuk mematuhi syarat Penyenaiaan Bursa.

Setiausaha Syarikat Kumpulan menghadiri semua mesyuarat Lembaga dan Jawatankuasa dan bertanggungjawab atas ketepatan dan kecukupan rekod bagi prosiding mesyuarat Lembaga dan Jawatankuasa serta usul yang dikemukakan. Untuk membantu Pengarah menjalankan tanggungjawab mereka, setiap Pengarah berhak mendapatkan nasihat profesional bebas berhubung dengan tanggungjawab

mereka di bawah tanggungan Kumpulan. Di samping itu, Lembaga dan setiap Jawatankuasa boleh mendapatkan nasihat profesional yang mereka perlukan untuk membantu kerja mereka.

Mesyuarat Lembaga diadakan setiap bulan, dan laporan Lembaga diedarkan sebelum mesyuarat. Ini membolehkan Pengarah menyemak dengan lanjut maklumat yang mungkin diperlukan. Mesyuarat Lembaga tambahan dijalankan sekiranya perlu. Pasukan Pengurusan Kanan bagi syarikat subsidiari dijemput menghadiri mesyuarat Lembaga untuk memberikan persembahan dan penjelasan terperinci berhubung dengan perkara yang dibentangkan.

Sebelas (11) mesyuarat Lembaga telah diadakan dalam TK 2009. Kehadiran setiap anggota Lembaga dalam mesyuarat Lembaga dan pelbagai Jawatankuasa Lembaga dinyatakan di bawah:

**Prinsip 7: Jawatankuasa Lembaga**

Lembaga mengagihkan tanggungjawab tertentu kepada Jawatankuasa Lembaga. Jawatankuasa yang membantu Lembaga adalah seperti yang berikut:

1. Jawatankuasa Pencalonan Kumpulan
2. Jawatankuasa Imbuan Kumpulan
3. Jawatankuasa Audit & Pemeriksaan
4. Jawatankuasa Pengurusan Risiko Kumpulan
5. Jawatankuasa Teknologi Maklumat Kumpulan ("GITC")

Pengarah Bebas membentuk majoriti dalam Jawatankuasa utama ini, kecuali dalam GITC. Kriteria keanggotaan adalah berdasarkan

**Bilangan Mesyuarat Yang Dihadiri Dalam Tahun Kewangan ("TK") 2009**

	Lembaga Pengarah	Jawatankuasa Pencalonan	Jawatankuasa Imbuan	Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan	Jawatankuasa Pengurusan Risiko	Jawatankuasa Teknologi Maklumat Kumpulan
<b>Y Bhg Tan Sri Dato' Azman Hashim</b>	11	5	2 (berkuatkuasa 23.07.08)	T/B	T/B	T/B
<b>Y Bhg Dato' Azlan Hashim</b>	11	T/B	2 (meletak jawatan pada 23.07.08)	5	T/B	7
<b>Y A Bhg Tun Mohammed Hanif Omar</b>	11	4 (Pengerusi berkuatkuasa 23.07.08)	T/B	T/B	T/B	T/B
<b>Y Bhg Tan Sri Datuk Dr Aris Othman</b>	11	6	2 (Berkuatkuasa 23.07.08)	6 (Pengerusi)	6	T/B
<b>Y Bhg Tan Sri Datuk Clifford Francis Herbert</b>	11	6	T/B	6	6 (Pengerusi)	T/B
<b>Y Bhg Tan Sri Dato' Mohd Ibrahim Mohd Zain</b>	9	T/B	T/B	T/B	T/B	T/B
<b>Y Bhg Dato' Izham Mahmud</b>	11	2 (meletak jawatan pada 23.07.08)	4 (Chairman)	5	T/B	T/B
<b>Dr Robert John Edgar</b>	10	5	- (berkuatkuasa 22.12.08)	4	T/B	T/B
<b>Encik Alexander Vincent Thursby</b>	10	T/B	T/B	T/B	T/B	T/B
<b>Encik Mark David Whelan</b>	3 (berkuatkuasa 2.01.09)	T/B	T/B	T/B	2 (berkuatkuasa 2.01.09)	T/B
<b>Encik Cheah Tek Kuang</b>	11	T/B	T/B	T/B	T/B	4
<b>Encik Soo Kim Wai</b>	10	T/B	3	T/B	T/B	T/B
<b>Encik Peter John Hodgson</b>	4 (meletak jawatan pada 29.08.08)	T/B	2 (meletak jawatan pada 29.08.08)	T/B	3 (meletak jawatan pada 29.08.08)	T/B
<b>Bilangan mesyuarat yang diadakan pada TK 2009</b>	11	6	4	6	6	7

kemahiran dan pengalaman Pengarah, serta keupayaannya memberikan nilai tambah kepada Jawatankuasa.

Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif serta staf pengurusan kanan lain dijemput menghadiri mesyuarat Jawatankuasa yang berkaitan.

#### Jawatankuasa Pencalonan

- Jawatankuasa ini terdiri daripada lima (5) ahli, tiga (3) daripadanya adalah Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Lembaga.
- Jawatankuasa Pencalonan ini telah bermesyuarat enam (6) kali dalam TK 2009.

Jawatankuasa ini bertanggungjawab menjalankan semakan berkala ke atas struktur, saiz dan komposisi Lembaga, serta mengemukakan saranan kepada Lembaga mengenai perubahan yang difikirkan perlu.

la menyemak prestasi Lembaga, Jawatankuasa dan Pengarah. Ia juga menyarankan pelantikan Pengarah kepada Jawatankuasa Lembaga, serta menjalankan semakan tahunan ke atas gabungan kemahiran, pengalaman dan ketrampilan yang sepatutnya dibawa masuk oleh Pengarah Bukan Eksekutif dan Pengarah Eksekutif.

Atas saranan jawatankuasa Pencalonan, Lembaga Pengarah turut meluluskan mekanisme bagi penilaian rasmi ke atas keberkesanan seluruh Lembaga dan Jawatankuasa di samping sumbangan Pengerusi dan setiap Pengarah kepada keberkesanan Lembaga. Penilaian ke atas keberkesanan Lembaga, Jawatankuasa dan Pengerusi serta setiap pengarah dijalankan setiap tahun.

#### Jawatankuasa Teknologi

##### Maklumat Kumpulan

Jawatankuasa Teknologi Maklumat Kumpulan ("GITC") terdiri daripada dua (2) ahli. Jawatankuasa ini bertanggungjawab menentukan dan menyarankan cadangan kepada Lembaga untuk memastikan pembangunan IT di dalam Kumpulan adalah selari dengan matlamat dan strategi perniagaan dan bertindak sebagai pihak bebas dan objektif dalam menyemak semua penggunaan sumber IT Kumpulan termasuk perkakas komputer, perisian, tenaga kerja dan pelaburan berkaitan IT yang lain.

Di samping itu, GITC menyemak semula dan menyarankan pemerolehan IT utama untuk diluluskan oleh pelbagai syarikat dalam Kumpulan dan memastikan pemerolehan tersebut mematuhi pelan IT. Tujuh (7) mesyuarat diadakan dalam TK 2009.

#### Prinsip 8: Prosedur Membangunkan Dasar Imbuan

##### Jawatankuasa Imbuan Kumpulan

Jawatankuasa Imbuan Syarikat, AmlInvestment Bank Berhad dan AmBank (M) Berhad digabungkan menjadi satu jawatankuasa induk di peringkat Syarikat (Kumpulan) berkuatkuasa 23 Julai 2008.

Semua anggota Jawatankuasa Imbuan adalah Pengarah Bukan Eksekutif. Semasa melaksanakan tanggungjawabnya, Jawatankuasa bermesyuarat empat (4) kali dalam TK 2009.

Jawatankuasa bertanggungjawab dalam menentukan dan menyarankan rangka kerja/metodologi imbuan untuk Pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif dan staf pengurusan kanan lain kepada Lembaga.

#### Prinsip 9: Peringkat Dan Gabungan Imbuan

##### Imbuan Pengarah

Imbuan Pengarah dirangka untuk memastikan Kumpulan terus menarik dan mengekalkan Pengarah dan pengurusan kanan yang mempunyai kemahiran dan pengalaman yang sesuai untuk menguruskan Kumpulan dengan jayanya. Lembaga menentukan imbuan bagi Pengarah Bukan Eksekutif dan Pengarah Eksekutif serta pengurusan kanan Kumpulan. Pengarah yang imbuhan dibincangkan dikecualikan daripada perbincangan.

#### Prinsip 10: Pengurusan Risiko

##### Jawatankuasa Pengurusan Risiko

Penyemakan risiko dalam semua aspek perniagaan adalah tanggungjawab Jawatankuasa Pengurusan Risiko.

Jawatankuasa bertanggungjawab dalam mengawasi, memantau dan menyemak pengurusan risiko, prinsip, dandasar, strategi, proses dan kawalan, termasuk kredit, pasaran, kunci kira-kira, risiko operasi dan pematuhan. Jawatankuasa turut memastikan tindakan diambil tepat pada masanya berhubung isu risiko yang muncul.

Jawatankuasa Pengurusan Risiko bagi Pengarah bermesyuarat enam (6) kali dalam TK 2009.

#### Prinsip 11: Kebertanggungjawaban

##### Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan

Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan ("JAP") bertanggungjawab ke atas pengawasan dan pemantauan:

- Dasar dan kawalan perakaunan pelaporan kewangan Kumpulan;
- Kerja Audit Dalaman Kumpulan;
- Jawatankuasa JAP bagi syarikat subsidiari utama;
- Pematuhan kehendak pengawalturan; dan
- Pelantikan, penentuan skop kerja dan penilaian juruaudit luaran.

Dasar Lembaga menetapkan sekurang-kurangnya seorang (1) anggota Jawatankuasa hendaklah mempunyai kelayakan atau pengalaman perakaunan dalam bidang kewangan. JAP bertemu secara berkala dengan juruaudit luaran dan Audit Dalaman Kumpulan.

Dalam TK 2009, JAP telah mengadakan pertemuan sebanyak enam (6) kali.

#### Prinsip 12: Kawalan Kewangan

##### Pernyataan Kebertanggungjawaban

Lembaga Pengarah adalah diwajibkan oleh Akta Syarikat, 1965 untuk menyediakan penyata kewangan untuk setiap tahun kewangan yang memberikan pandangan yang benar dan wajar bagi Kumpulan dan keadaannya, keputusan dan aliran tunai di akhir tahun kewangan. Berikutan perbincangan dengan juruaudit, Pengarah menganggap bahawa polisi perakaunan yang sesuai digunakan secara konsisten, dan disokong oleh pertimbangan dan anggaran yang wajar, dan juga bahawa semua standard perakaunan yang mereka anggap dapat diguna telah diikuti semasa penyediaan penyata kewangan.

Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk memastikan bahawa Kumpulan menyimpan rekod perakaunan yang didedah dengan ketepatan yang wajar, dan untuk memastikan bahawa penyata kewangan mematuhi Akta Syarikat, 1965.

Lembaga dan Jawatankuasa Lembaga adalah bertanggungjawab secara am untuk mengambil langkah untuk melindungi aset Kumpulan, dan untuk mengesan dan mencegah penipuan dan lain-lain ketaknalaran.

##### Pernyataan Kawalan Dalaman

Pernyataan Kawalan Dalaman Kumpulan dibentangkan pada muka surat 26 laporan tahunan ini.

##### Laporan Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan ("JAP")

##### Bidang Rujukan

Fungsi JAP adalah seperti berikut:

- a. Untuk memberikan bantuan dan menyemak serta melapor kepada Lembaga berhubung dengan:
  - i) memenuhi tanggungjawab berkanun dan fidusiari Syarikat/Kumpulan; dan
  - ii) memantau perakaunan dan pelaporan kewangan Syarikat/Kumpulan;
- b. Untuk menentukan Syarikat/Kumpulan mempunyai dasar, prosedur dan garis panduan, kawalan operasi dan kawalan yang cukup, dan semuanya dipatuhi dan beroperasi dengan efektif untuk meningkatkan keefisienan dan tatasusila yang betul dan melindungi aset Syarikat/Kumpulan;
- c. Untuk berkhidmat sebagai pihak yang bebas dan objektif dalam penyemakan maklumat kewangan Syarikat/Kumpulan yang dikemukakan oleh Pengurusan kepada Lembaga dan Pemegang Saham;
- d. Untuk menyemak keputusan suku tahunan dan penyata kewangan hujung tahun Syarikat/Kumpulan dan untuk memastikan pematuhan standard perakaunan dan kehendak undang-undang;
- e. Untuk menyemak dan meluluskan skop audit, pelan audit dan laporan audit bagi juruaudit luaran dan juruaudit dalaman;

f. Untuk menilai kecukupan dan keberkesanan sistem kawalan Pengurusan Syarikat/Kumpulan melalui penyemakan laporan jruaudit luaran dan dalaman yang memberikan tumpuan kepada perakaunan dalaman, kelemahan organisasi dan kawalan operasi, dan untuk menentukan Pengurusan mengambil tindakan pembetulan yang sesuai;

g. Untuk memastikan kecukupan skop, fungsi dan sumber fungsi audit dalaman dan ia mempunyai kuasa yang diperlukan untuk melaksanakan fungsinya;

h. Untuk memastikan, melalui perbincangan dengan juruaudit luaran dan dalaman, bahawa tiada sekatan dikenakan oleh Pengurusan dan kakitangan ke atas skop pemeriksaan juruaudit;

i. Untuk mengarah dan menyelia apa-apa projek atau siasatan khas yang dianggap perlu;

j. Untuk menyediakan, apabila perlu, laporan berkala yang memberikan ringkasan kerja yang dilaksanakan kepada Lembaga dalam memenuhi tanggungjawab utama JAP;

k. Untuk menyemak apa-apa urusan niaga pihak yang berkaitan dan situasi konflik kepentingan yang mungkin timbul dalam Syarikat/Kumpulan termasuk apa-apa urusan niaga, prosedur atau tatasusila yang membangkitkan persoalan integriti pengurusan; dan

l. Untuk menyemak pelantikan tahunan juruaudit luaran, atau surat peletakan jawatan daripada juruaudit luaran, untuk merundingkan dan meluluskan yuran audit tahunan dan/atau yuran audit khas, dan menilai asas pengebilan yang terkandung dalam pelantikan tersebut.

### Ringkasan Aktiviti Utama

Berikut ialah ringkasan aktiviti utama yang dilaksanakan oleh Jawatankuasa dalam tahun ini:

#### Audit Dalaman

- Menyemak semula dan meluluskan pelan audit tahunan Jabatan Audit Dalaman, termasuk keperluan sumber dan latihannya.
- Menyemak semula metodologi Jabatan Audit Dalaman dalam menaksir tahap risiko pelbagai bidang boleh audit dan memastikan penekanan audit diberi ke atas bidang berisiko kritikal.
- Memantau kemajuan Jabatan Audit Dalaman dalam melengkapkan pelan auditnya dan menilai prestasi Jabatan Audit Dalaman.
- Menyemak semula kecukupan dan keberkesanan sistem kawalan, pelaporan dan pengurusan risiko untuk memastikan metodologi yang sistematik digunakan untuk mengenal pasti, menilai dan mengurangkan risiko.

- Menyemak semula laporan Jabatan Audit Dalaman (termasuk siasatan dalaman, membuat susulan ke atas penyelesaian isu yang dibangkitkan dalam laporan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia, juruaudit luaran dan pihak luar yang lain) dan mempertimbangkan maklum balas Pengurusan dan mengarahkan Pengurusan agar mengambil tindakan pembaikan yang perlu. Jawatankuasa juga mengikuti perjalanan isu utama yang dibangkitkan dalam laporan.

#### Audit Luaran

- Menyemak semula pelantikan para juruaudit luaran serta kebebasan dan keberkesanannya.
- Menyemak semula pelan audit juruaudit, yuran audit tahunan dan skop kerja untuk tugasan audit dan bukan audit.
- Menyemak semula keputusan dan laporan juruaudit luaran serta maklum balas susulan Pengurusan terhadap penemuan juruaudit luaran.

#### Keputusan Kewangan

- Menyemak semula keputusan suku tahunan dan penyata kewangan Kumpulan sebelum mengesyorkannya kepada Lembaga Pengarah untuk diluluskan.
- Menyemak semula penyata kewangan teraudit tahunan bagi Kumpulan dengan juruaudit luaran sebelum penyata tersebut dikemukakan kepada Lembaga untuk diluluskan.
- Pematuhan peraturan yang berikut dipastikan:
  - Peruntukan Akta Syarikat 1965 dan Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989
  - Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007
  - Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993
  - Keperluan Penyenaraian Bursa Malaysia Securities Berhad
  - Standard perakaunan yang digunakan di Malaysia
  - Syarat pengawalaturan lain yang berkaitan

#### Urus Niaga Pihak Berkaitan

- Menyemak semula urusan niaga pihak berkaitan dan kecukupan prosedur Kumpulan dalam pengenpastian, pemantauan, pelaporan dan penyemakan semula urusan niaga pihak yang berkaitan.

### Prinsip 13: Audit Dalaman

#### Fungsi Audit Dalaman


Audit Dalaman beroperasi di bawah piagam yang dikeluarkan oleh JAP yang memberikannya akses tidak terhad untuk menyemak semua aktiviti Kumpulan. Ketua Kumpulan Audit Dalaman melapor kepada JAP. Fungsi pengauditan dalaman dilaksanakan ke atas seluruh Kumpulan AmBank untuk memastikan ketekalan persekitaran kawalan dan pemakaian dasar dan prosedur.

Audit Dalaman Kumpulan menumpukan usaha kepada pelaksanaan audit mengikut pelan audit, yang disenarai mengikut keutamaan berdasarkan penilaian risiko yang komprehensif ke atas semua bidang utama audit yang dikenalpasti Kumpulan. Pendekatan penilaian risiko berstruktur memastikan semua bidang berisiko sentiasa diawasi dengan kekerapan dan liputan audit bersesuaian. Pelan audit berdasarkan risiko dikaji semula setiap tahun dengan mengambil kira perubahan keadaan kewangan perniagaan serta keadaan risiko. JAP akan mengkaji semula dan meluluskan pelan audit tahunan Audit Dalaman Kumpulan.

Audit Dalaman Kumpulan juga mengambil bahagian secara aktif dalam aktiviti pembangunan sistem utama manakal jawatankuasa projek akan memberi nasihat dari segi pengurusan risiko dan langkah kawalan dalaman.

JAP meluluskan pelan kerja audit tahunan, dan pendekatan audit berasaskan risiko digunakan untuk memastikan bahawa aktiviti risiko tinggi dalam setiap unit perniagaan diaudit setiap tahun.

Fungsi audit meliputi semua kumpulan perniagaan utama dan merangkumi tiga kategori kerja utama:



- Antara lain, pelan audit meliputi semakan kecukupan pengurusan risiko dalam bidang-bidang berikut:
  1. Kualiti aset
  2. Kawalan operasi
  3. Kawalan kewangan
  4. Kepuasan pelanggan
  5. Pematuhan undang-undang dan peraturan
  6. Amalan memberi pinjaman
  7. Keefisienan pengurusan
  8. Teknologi maklumat
  9. Pusat data dan keselamatan rangkaian
- Pelan audit juga meliputi semakan ke atas fungsi dan kecukupan pengurusan risiko dalam pengurusan kredit, pasaran, kecairan dan risiko operasi.

Audit Dalaman Kumpulan memainkan peranan aktif dalam memastikan pematuhan syarat pihak berkuasa pengawalaturan. Audit Dalaman Kumpulan juga bekerjasama dengan juruaudit luaran untuk memastikan skop audit adalah komprehensif.

Terdapat proses efektif untuk memastikan penyelesaian segera bagi isu audit. Jabatan Audit Dalaman membentangkan pengemaskinian berkala kepada JAP mengenai kemajuan isu penting sehingga isu tersebut diselesaikan.



## Bidang Risiko Utama Dan Fokus Dalaman



### Prinsip 14: Audit Luaran

Tetuan Ernst & Young ("E & Y") ialah juruaudit berkanun luaran Syarikat dan juruaudit bagi akaun disatukan bagi penyediaan laporan tahunan ini. Juruaudit luaran melaksanakan audit bebas menurut Standard Perakaunan Malaysia, dan melaporkan terus kepada JAP. Tambahan kepada itu, JAP juga akan:

- Memberikan prakelulusan bagi semua perkhidmatan audit dan bukan audit;
- Menyemak semula kebebasan juruaudit luaran secara berkala; dan
- Menilai keberkesanan juruaudit luaran.

Juruaudit luaran dilantik semula oleh pemegang saham Syarikat secara tahunan, selepas khidmat yang diberikan kepada JAP dinilai dan dikaji, serta mendapat syor Lembaga.

### Perkhidmatan Bukan Audit

Juruaudit luaran tidak boleh memberikan perkhidmatan yang ditanggap bercanggah dengan peranan juruaudit. Ini termasuk nasihat perundangan dan subkontrak aktiviti operasi yang biasanya dilaksanakan oleh pihak pengurusan dan tugas lain yang juruaudit benar-benar dikehendaki menyuarakan pendapat mengenai kerjayanya sendiri.

Khususnya, dasar ini:

- Menghadkan perkhidmatan bukan audit yang akan diberikan; dan
- Menghendaki perkhidmatan audit dan bukan audit yang dibenarkan, terlebih dahulu mendapatkan kelulusan daripada JAP.

JAP telah menyemak ringkasan perkhidmatan bukan audit yang disediakan oleh juruaudit luaran dalam TK 2009 dan telah mengesahkan bahawa peruntukan perkhidmatan adalah bersesuaian dengan standard kebebasan am bagi juruaudit.

### Yuran Audit

Jumlah yuran audit berkanun dan bukan berkanun bagi AHB Group (tidak termasuk perbelanjaan dan cukai perkhidmatan) dalam tahun kewangan berakhir 31 Mac 2009 berjumlah RM1.68 juta [TK 2008: RM1.30 juta].

### Yuran Perkhidmatan Bukan Audit

Yuran bukan audit bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2009 (tidak termasuk perbelanjaan dan cukai perkhidmatan) berjumlah RM0.89 juta [TK 2008: RM0.93 juta]. Yuran bukan audit berkait terutamanya dengan semakan semula separuh tahun bagi penyata pendapat AmlIslamic Bank Berhad, AmBank (M) Berhad dan AmInvestment Bank Berhad yang dilaksanakan di samping yuran yang berkaitan dengan semakan suku ketiga AmBank (M) Berhad dan laporan akaunntan untuk terbitan dana sekuriti Bukan-Inovatif Peringkat 1 oleh AmBank (M) Berhad dan prospektus untuk AmG Insurance Berhad.

### Prinsip 15: Komunikasi Dengan Pemegang Saham

#### Mendekati Semua Pemegang Saham Dan Pelabur Dengan Lebih Rapat Dan Pantas

Kumpulan mengamalkan pendedahan yang tepat pada masanya, tepat dan konsisten kepada pemegang saham dan orang awam seperti yang dikehendaki dalam kehendak kawalaturan. Pengerusi, Pengarah dan wakil Pengurusan Kanan Kumpulan sentiasa berbincang dengan pemegang saham dan komuniti pelabur dalam memastikan polisi pendedahan terus diamalkan dengan penuh ketekunan dan integriti.

#### Komunikasi Dengan Pemegang Saham

Anggota Lembaga menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan dan Mesyuarat Agung Tergempar di mana pemegang saham yang hadir diberikan semakan bermaklumat tentang cadangan korporat dan prestasi kewangan Kumpulan bagi tahun ini dan juga prospek yang mendatang. Pemegang saham diberikan peluang untuk mengemukakan soalan atau mendapatkan penjelasan daripada Lembaga tentang isu yang berkaitan dengan usul yang hendak diluluskan. Pemegang saham berhak mengundi pelbagai usul berhubung dengan hal-ehwal syarikat.

Semua pemegang saham digalakkan menghadiri mesyuarat dan jika mereka tidak dapat menghadiri mesyuarat, mereka boleh mengemukakan undian mereka atau proksi melalui pos. Juruaudit luaran turut hadir untuk membantu Pengarah menjawab soalan daripada pemegang saham. Juruaudit boleh memberikan maklum balas tentang perjalanan mana-mana item perniagaan yang berkait dengan peranan mereka sebagai juruaudit.

- Pengumuman berhubung dengan cadangan korporat dan keputusan kewangan Syarikat serta pengumuman penting lain, diumumkan kepada orang awam tepat pada masanya. Maklumat korporat dan kewangan Kumpulan boleh dicapai dengan mudah oleh pemegang saham dan orang awam di laman web Kumpulan di [www.ambankgroup.com](http://www.ambankgroup.com).
- Pada tahun 2008, Kumpulan terus mengemaskini skop komunikasi dengan pemegang saham dan pelabur melalui fungsi Perhubungan Pelabur Kumpulan pusat.

Objektif fungsi khas Perhubungan Pelabur Kumpulan adalah untuk memelopori komunikasi dua hala lebih efektif dengan pemegang saham, komuniti kewangan, agensi penarafan serta pemegang kepentingan lain supaya menggambarkan Kumpulan AmBank dengan tepat, dan seterusnya mendapat penilaian pasaran yang adil untuk sekuriti Syarikat.

- Selaras dengan keutamaan Kumpulan untuk menghasilkan nilai untuk pemegang saham, Perhubungan Pelabur Kumpulan AmBank telah menghasilkan kehadiran lebih meluas dengan menggunakan komunikasi elektronik, yang bertujuan untuk memberi capaian lebih mudah kepada pemegang saham, pelabur dan pemegang kepentingan lain untuk mendapatkan maklumat tentang laporan tahunan Kumpulan, persembahan pelabur, panarafan kredit dan acara berkait pelabur. Maklumat ini boleh didapati dengan mudah dari laman web berdedikasi Perhubungan Pelaburan di laman web korporat [www.ambankgroup.com](http://www.ambankgroup.com).

- Kumpulan AmBank mengambil bahagian dalam beberapa aktiviti taklimat pelabur dengan pelabur institusi utama di serata dunia termasuk Kuala Lumpur, Eropah Barat, Jepun, United Kingdom, Amerika Syarikat, Australia, Hong Kong dan Singapura. Aktiviti itu memberikan saluran kepada pengurusan kanan Kumpulan untuk bertemu secara aktif dengan pelabur institusi utama serta pelabur berpotensi untuk memastikan mereka mendapat maklumat yang seimbang dan lengkap tentang prestasi Kumpulan serta aspirasi strategik dan halatuju perniagaan disampaikan dengan tepat. Taklimat berasingan dijalankan khas untuk media dan penganalisis semasa keputusan sukuan Kumpulan diumumkan.

Kakitangan pengurusan kanan yang bertanggungjawab atas aktiviti Perhubungan Pelabur adalah:

#### 1. Encik Cheah Tek Kuang

Pengarah Urusan Kumpulan  
[ctk@ambankgroup.com](mailto:ctk@ambankgroup.com)

#### 2. Encik Ashok Ramamurthy

Timbalan Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan  
[ashok-ramamurthy@ambankgroup.com](mailto:ashok-ramamurthy@ambankgroup.com)

#### 3. Encik Ganesh Kumar Nadarajah

Ketua, Perhubungan Pelabur Kumpulan  
[ganesh-kumar@ambankgroup.com](mailto:ganesh-kumar@ambankgroup.com)

Jika pemegang saham memerlukan sebarang maklumat, butiran untuk menghubungi Kumpulan dan pendaftar Saham boleh didapati di seksyen Perhubungan Pelabur laman web [www.ambankgroup.com](http://www.ambankgroup.com) atau e-mail kepada [ir@ambankgroup.com](mailto:ir@ambankgroup.com).